

# Ada intelek perkecil pilihan rakyat **Bijak bercakap tetapi takut**

---

Oleh HAJI TAJUDDIN SAMAN

---

**BALING, Isnin —** Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya berwaspada terhadap percubaan golongan yang mendakwa diri mereka cerdas pandai untuk menggunakan undang-undang bagi menolak kuasa wakil rakyat yang dipilih dalam pilihanraya.

Perdana Menteri berkata, kebelakangan ini golongan itu membuat pelbagai dakwaan dengan tujuan menghakis kepercayaan rakyat terhadap kerajaan. Dakwaan ini termasuklah bahawa mereka kononnya mempunyai kuasa yang sama dengan kerajaan yang dipilih oleh rakyat menerusi pilihanraya.

"Mereka cuba memburuk-burukkan nama pemimpin kerajaan dengan membuat pelbagai tuduhan dan tohmah. Mereka tidak mempunyai sebarang bukti, tetapi kalau rakyat hilang kepercayaan terhadap kerajaan, mereka sendiri akan berpeluang berlagak sebagai kerajaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dakwaan golongan itu kononnya mereka mewakili rakyat Malaysia adalah satu keangkuhan yang tiada bandingannya, dan tindak-tanduk mereka adalah satu percubaan untuk menghakis hak serta kuasa yang ada pada rakyat.

Berucap merasmikan pelancaran pembangunan Estet Mini Pekebun Kecil daerah ini di Kampung Sadek dekat sini, Perdana Menteri berkata:

BH 18 AUG 1987

"Saya khawatir melihat tindak-tanduk golongan berkenaan yang cuba memaksa sistem kumpulan kecil ke atas kumpulan besar, untuk menawan semua kuasa yang ada pada rakyat seperti yang wujud dalam sistem demokrasi."

Kira-kira 10,000 penduduk dari seluruh daerah ini membanjiri kampung itu untuk menyambut Perdana Menteri serta menyaksikan upacara pelancaran projek itu, yang dilaksanakan mengikut Rancangan Pembangunan Baling sebagai daerah contoh Risda.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sekiranya tidak diawasi, golongan berkenaan mungkin akan lebih lantang pada masa depan, hingga sanggup mendakwa kerajaan tidak ada hak. Tetapi merekalah golongan yang berhak memerintah negara ini.

"Saya cadangkan jika mereka benar-benar berminat, sila masuk bertanding dalam pilihanraya. Tetapi dalam pilihanraya umum lalu, tidak seorang pun daripada mereka yang bertanding sedangkan kalau bercakap, memang merekalah yang pandai.

## Alatkan orang

"Mereka juga pandai menulis bermacam-macam kertas, mengadakan seminar, forum dan seumpamanya, tetapi mereka tidak boleh dipercayai kerana mereka sentiasa cuba memperalatkan orang lain, termasuk bekas pemimpin, untuk kepentingan mereka.

"Golongan kecil antara 200 hingga 300 orang itu malas untuk bertanding dalam pilihanraya kerana takut kalah, tetapi mereka bernafsu untuk mendapatkan kuasa".

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, golongan itu membuat tafsiran sendiri mengenai perlembagaan dan demokrasi, serta memaksa kerajaan mendengar cakap mereka, kerana kononnya mereka mewakili orang ramai.

"Mereka sebenarnya adalah golongan elitis yang bernasib baik kerana dapat mempengaruhi akhbar dan wartawan luar negeri, tetapi rakyat kampung tidak pernah mendapat peluang seperti itu. Berapa ramai orang kampung yang pernah ditemui oleh wartawan luar negeri?," tanya beliau.

Beliau menyifatkan golongan kecil itu sebagai orang yang kecewa dan tidak berani menghadapi kenyataan dan suara rakyat.

Perdana Menteri khawatir golongan itu mungkin mengambil kesempatan daripada keadaan tidak stabil di kalangan rakyat dan jika rakyat tidak bersatu padu dan Umno tidak stabil, golongan itu mungkin menggunakan kesempatan ini untuk menanggung di air keruh.

Beliau mengingatkan, sekali kuasa sudah terlepas daripada tangan rakyat, ia pasti tidak mudah diperolehi semula, malah sistem demokrasi itu sendiri mungkin akan terus luput dan "kita akan kembali dijajah seperti di zaman British."

"Sekiranya rakyat tidak berwaspada terhadap golongan ini, suara rakyat mungkin akan diketepikan dan perlembagaan negara akan ditukar mengikut nafsu mereka," tegas beliau.